

**DOKUMENTASI SEJARAH LISAN
WAWANCARA BERSAMA
ENCIK RAZAKI BIN ISMAIL,
TOKOH DIKIR BARAT KELANTAN**

DISEDIAKAN OLEH:

**AMIR ASYRAF BIN SAPRUDIN
MOHAMAD SYAFIQ BIN MOHAMAD HASAN**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
18500 MACHANG, KELANTAN**

JUNE 2013

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Encik Mohd Idzwan Mohd Salleh yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Encik Razaki Ismail, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata dan Profil Peribadi Tokoh	iv
Transkrip Wawancara	1 - 27
Senarai Soalan Wawancara	28 - 32
Log Wawancara	33 - 34
Indeks	35 - 37
Lampiran-Lampiran	
<input type="checkbox"/> Perjanjian Tokoh	
<input type="checkbox"/> Dokumen Berkaitan	
<input type="checkbox"/> Gambar Peristiwa / Wawancara	
<input type="checkbox"/> CD / DVD Wawancara	


ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Encik Razaki Ismail Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Seni.

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Razaki Ismail mengenai kerjaya beliau dalam bidang seni dikir barat. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam rumah beliau sendiri di kampong perupok bachok kelantan . Beliau merupakan salah seorang penulis dan penerbit lagu dikir barat di negeri kelantan. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sebelum dan selepas berkecimpung dalam seni dikir barat. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung dalam seni dikir barat dan menjadi penulis lagu dikir barat. Selain itu, beberapa pendapat beliau mengenai bidang seni dikir barat turut dikupas.

Kata kunci : Encik Razaki bin Ismail, penulis, penerbit, dikir barat, Kelantan.

BIODATA



1.	Nama Penuh:	Razaki bin Ismail
2.	Alamat Surat-Menyurat:	Kg Perupok, 16300, Bachok, Kelantan Darul Naim
3.	Kelahiran:	Wakaf Pohon Tanjung Perupok
4.	Jantina:	Lelaki
5.	Bangsa:	Melayu
6.	Pendidikan (Rendah, Menengah dan Tinggi):	Sekolah Kebangsaan Perupok Sekolah Menengah Kebangsaan Bachok Sekolah Menengah Kebangsaan Kadir Adabi
7.	Keluarga (Adik-beradik, Isteri dan Anak):	8 orang anak
8.	Hobi:	Mengubah lagu dikir barat

IMR 604 SEJARAH LISAN

9.	Kerjaya:	Pencipta lagu dikir barat
10.	Sumbangan:	<ul style="list-style-type: none">• Menerbitkan album-album dikir barat• Memperkenalkan dikir barat dalam bentuk yang lebih moden.• Menarik generasi muda untuk mengekalkan seni dikir barat• Mempertahankan seni dikir barat.• Menggabungkan dikir barat dan wayang kulit didalam bentuk animasi

PENGENALAN

Transkrip temubual bersama Encik Razaki Ismail ini telah dijalankan pada 8 Jun 2013 di Kampung Perupok Bachok Kelantan. Tujuan temubual ini dijalankan adalah mengenai pengalaman dan pembabitan beliau dalam bidang seni dikir barat.

Encik Razaki bin Ismail lebih dikenali dengan nama gelaran Tok ki telah dilahirkan di Wakaf Pohon Tanjung Perupok, Bachok Kelantan pada 18 Julai 1962. Beliau merupakan seorang bapa kepada lapan orang cahaya mata. Lima lelaki dan dua perempuan.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam lapan belas minit, penumpuan temubual ini lebih menjurus kepada kerjaya beliau dalam bidang seni dikir barat. walaupun usia beliau mencecah 51 tahun, beliau masih aktif dalam kerjaya seni beliau sehingga ke hari ini.

Beliau mendapat pendidikan awal Sekolah Kebangsaan Perupok di peringkat rendah dan kemudian menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Bachok dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kadir Adabi Kota Bharu. Beliau seorang yang aktif di dalam aktiviti sukan dan pernah mewakili pasukan bola sepak sekolah selama tiga tahun.

Bermulanya karier sebagai penulis lagu dikir barat adalah kerana minat yang begitu mendalam terhadap seni dikir barat. Selepas beberapa tahun menjadi penulis lagu dikir barat, beliau telah menubuhkan sebuah syarikat penerbitan dan menerbitkan album-album dikir barat. Beliau juga telah menggabungkan seni dikir barat dan wayang kulit di dalam bentuk animasi.

TRANSKRIP

Berikut merupakan rakaman temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Amir Asyraf Saprudin dan Mohamad Syafiq Mohamad Hasan bersama Encik Razaki Ismail mengenai sejarah penglibatan beliau dalam bidang seni dikir barat. Temubual ini telah dijalankan di Kampung Perupok Bachok Kelantan pada tarikh lapan haribulan Jun dua ribu tiga belas. jam enam petang.

PART A

AMIR: Assalamualaikum Pakcik, apa khabar?

TOK KI: Waalaikumussalam... baik.

AMIR: Bolehkah Pakcik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri Pakcik, nama penuh Pakcik, asal dari mana?

TOK KI: Nama Pakcik sebenarnya Razaki Bin Ismail..., tempat lahir di Wakaf Pohon Tanjung Perupok... disini baru 11 tahun di Kubang Golok.

AMIR: Ada tak sebarang gelaran yang diberikan kepada Pakcik?

TOK KI: Nama...ape ni..

AMIR: Ada tak sebarang gelaran yang diberikan kepada Pakcik?

TOK KI: Gelaran tu sebenarnya nama saya tadi Razaki Bin Ismail... gelaran sebenarnya orang panggil Tok KI.

AMIR: Kenapakah Pakcik diberi gelaran tersebut?

TOK KI: Itu..aaa..gelaran tu diperkenalkan semasa Tok Ki ada memegang jawatan dalam dikir barat.. dari situlah kebetulan lagu-lagu Tok Ki banyak disiarkan di radio.. disitulah budak-budak memanggil Tok Ki.

AMIR: Jika tak keberatan, bolehkah Pakcik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang keluarga Pakcik, anak dan isteri Pakcik?

TOK KI: ya...anak isteri.. saya mempunyai 8 orang, 5 lelaki 3 perempuan... yang perempuan tu dah kahwin dh dua... anak pun cucu pun dah dua-dua empat orang...hahaha

AMIR: Kita beralih pula kepada latar belakang kedua ibu bapa Pakcik, siapakah nama penuh kedua ibu bapa Pakcik, adakah mereka masih ada lagi dan sekarang ni mereka tinggal dekat mana?

TOK KI: Bapa Pakciknya nama Ismail Bin Ibrahim...seorang nelayan dan ibunya Khatijah Binti Mohamad...dia tinggal di...sekarang ni di Wakaf Pohon Tanjung lagi tapi ibu bapa...bapa Tok Ki sudah meninggal dunia tahun lepas.

AMIR: Biasanya kejayaan hidup seseorang anak dikaitkan dengan didikan dan galakan daripada ibu bapanya. Adakah itu mempengaruhi kerjaya Pakcik sekarang? Contohnya macam adakah ibu bapa Pakcik dahulu memberi galakan terhadap kerjaya Pakcik sekarang ni?

TOK KI: Dulu memang ibu bapa Pakcik ni pernah bagi galakkan dalam bidang sekarang sekarang ni lah...didikan pun dalam pengajian tu tidak sampai tahap yang boleh pergi lah.

AMIR: Apa pendapat Pakcik tentang kehidupan Pakcik sekarang dengan waktu Pakcik kecil dulu...kalau dulu biasanya macam hidup susah dan sekarang ni bagaimana pula kehidupan Pakcik jika dibandingkan dengan dulu?

TOK KI: Dulu Pakcik masa sejak kecil sampai ke masa umur belasan tu...Pakcik hidup dengan susah. Sebenarnya tempat Pakcik pun ramai orang susah...sekarang ni boleh dikatakan Alhamdulillah lah Tuhan bagi rezeki Pakcik...kerjaya Pakcik pun adalah sikit-sikit pendapatan menambah.

AMIR: Kita beralih pula kepada kepada latar belakang pendidikan. Bolehkah Pakcik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan Pakcik seperti sekolah rendah dekat mana, sekolah menengah dekat mana?

TOK KI: Dulu Pakcik Sekolah Kebangsaan Perupok...alih kepada Sekolah Nipah Bachok, Sekolah Kemudi sampai tingkatan lima...jadi apabila tidak lulus SPM...aaa...Pakcik sambung di sekolah Kadir Adabi di Kota Bharu Wakaf Che Yeh.

AMIR: Mata pelajaran yang Pakcik paling gemari semasa berada di sekolah...subjek yang Pakcik paling minat semasa berada di sekolah?

TOK KI: Subjek yang Pakcik paling minat sekalinya mata pelajaran sejarah lah yang Pakcik minat kerana sejarah tu ape ni...cerita...Pakcik minat ni tentang cerita-cerita.

AMIR: Adakah Pakcik aktif didalam kegiatan ko-kurikulum semasa berada di sekolah menengah?

TOK KI: Dulu masa Pakcik di sekolah menengah Pakcik pun minat bermain bola sepak...sekarang ni pun minat tapi dah tua dah tak boleh main.

AMIR: Adakah Tok Ki pernah mewakili sekolah dalam bermain bola sepak?

TOK KI: Pada zaman persekolahan dulu Pakcik minat...aaa...tiga tahun jugaklah Pakcik main untuk sekolah selepas tu tidak ada lah...masa sekolah.

AMIR: Bagaimanakah pula dengan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Pakcik di sekolah tersebut?

TOK KI: Dulu...Pakcik sekolah dulu SPM boleh dikatakan Pakcik dapat tiga tapi tiga tu memang tidak lulus lah tapi masa tu Pakcik sambung mengaji (belajar).

AMIR: Adakah Pakcik mendapat sebarang tawaran biasiswa ataupun tajaan semasa belajar dahulu?

TOK KI: Tak dapatlah...tak dapat.

PART B

AMIR: Apakah bidang pekerjaan yang terawal Pakcik lakukan ketika dahulu?

TOK KI: Pakcik kerja masa dulu...selepas sekolah tu...Pakcik pergi di Tanjung Dawai...disitu Pakcik cuba belajar ke laut...masa tu ke laut pukat jerut di Tanjung Dawai, Sungai Petani lah...di Kedah. Pakcik ke laut pukat jerut dalam umur 20...jadi apabila balik di Sungai Petani...tiga bulan tidak pergi ke laut... ada gelombang... lepas tu kebetulan disini ayah Pakcik nya dia seorang nelayan juga... dan memang sudah tidak ada kerja lain...ayah pun bawa perahu di Kuala Besut sebagai seorang nelayan.

AMIR: Apakah rutin harian yang Pakcik lakukan sebagai seorang nelayan?

TOK KI: Rutin harian macam mana tu?

AMIR: Rutin harian contohnya bila pagi bangun pagi lepas tu kena sediakan pukat apa semua?

TOK KI: Tentang nelayan ni...Pakcik apabila balik Sungai Petani ke laut... jadi Pakcik nya duduk sini... dulu ke laut dulu sebulan boleh balik macam kata dua kali lah sebulan... jadi dalam sebulan dua kali tu kadang-kadang tiga hari duduk kat laut balik ke darat sekali..., Kuala Besut. Tiga hari satu hari balik..., satu bulan dua kali balik... bulan yang itu masa 10 haribulan lah... balik ke rumah sebab bulan cerah ni... pergi ke laut dulu kalau bulan cerah dia tak seronok... ikan tak boleh (tidak dapat ikan).

AMIR: Apakah rutin harian Pakcik sebagai seorang nelayan contohnya pagi terpaksa bangun pukul berapa, lepas tu kena sedia semua peralatan?

TOK KI: Dulu kira keluar pagi... kerja malam... keluar pagi kerja malam lepas tu tengah hari tu tidak bekerja pergi berlabuh di laut. Begitulah, keesokkan pun macam tu lah juga kerja malam... cukup tiga hari balik sekali ke darat.

AMIR: Apakah perasaan Pakcik Ketika itu, adakah Pakcik gembira dengan pekerjaan Pakcik sebagai seorang nelayan?

TOK KI: Masa dulu sebab kawasan ni dekat Bachok...lagi-lagi kawasan tepi pantai ni... ramai boleh dikatakan orang muda-muda dulu hidup dengan nelayan... jadi masa tu memang suka (seronok) ke laut...sekarang ni memang pakai awok-awok... awok-awok ni pekerja... orang panggil awok-awok kalau bahasa ke laut ni (bahasa nelayan)... dia ambil orang Vietnam, Siam, Kemboja...awok-awok ni semua dia ambil awok tempatan...pekerja tempatan... jadi suka la... kalau kita duduk di rumah pun puah (bosan) mugo (sebab) orang pergi ke laut belaka. Duduk di rumah sorang-sorang puah (bosan) sebab orang kerja ke laut belaka... umur 16 pun pergi ke laut masa dulu-dulu...30 tahun dulu... suka la ke laut ni dulu bulan cerah pakat-pakat balik berhimpun...pakat pergi ke Kota Bharu dengan bas mugo (kerana) kereta tiada dahulu...hahaha...motor pun jarang-jarang orang je yang ada.

AMIR: Selain menjadi nelayan, adakah Pakcik ada melakukan pekerjaan lain selain daripada nelayan ni untuk menampung kehidupan Pakcik?

TOK KI: Itulah dengan nelayan sebab benda lain tak boleh kerja... sebabnya kalau kerja rumah batu (tukang rumah) pun dulu gaji 17 ya (ringgit) sehari tapi sekarang ni ramai orang kerja rumah batu (tukang rumah) sebab gaji 50 ya (ringgit)...banyak daripada nelayan...dulu

17 ya (ringgit)... nelayan tu walau boleh 30 ringgit sehari pun...dia puas hati...kerja itu kita kira tidak berat...tidak berat seperti kerja rumah batu (tukang rumah).

AMIR: Apakah pengalaman pahit, pengalaman manis semasa awal Pakcik bekerja?

TOK KI: Dia...kerja nelayan ni dia ada pahit ada manis ada susah ada senang...kelaut ni masa musim bulan 12...musim tengkujuh lah...orang panggil musim gelombang...itu lah kenangan pahit sebab ada satu ketika...ape ni...nak tenggelam motor (bot)...ombak kasar (besar)... ombak dulu walau besar...kalau sekarang ni tak pernah jumpa ombak yang sebesar dulu... dulu dia ada ombak besar.. itu yang kena atas diri Pakcik masa tu motor (bot) tu nak tenggelam... itu yang paling pahit sekali lah.

AMIR: Menurut kajian yang kami lakukan, Pakcik ada terlibat dalam bidang kebudayaan pengkhususan dalam persembahan dikir barat, boleh Pakcik ceritakan serba sedikit bagaimana Pakcik boleh terlibat dalam bidang ini?

TOK KI: Dikir barat ni Pakcik minat sejak kecil lagi sebenarnya walau Pakcik seorang nelayan...ke laut...dalam masa ke laut tu Pakcik pernah mengarang lagu sorang-sorang duduk menyanyi sorang-sorang...walau kita tidak menyanyi pun...kita mengarang lagu...kadang-kadang kita menyanyi sorang-sorang...setelah itu, Pakcik jadi koho (semakin minat mengarang lagu... masa tu dalam tahun 2003 Pakcik jadi pengurus dikir barat di Pohon Tanjung.

AMIR: Persembahan dikir barat ni sebenarnya berasal dari negeri mana?

TOK KI: Dikir barat ni sebenar berasal dari Thailand...dibawa ke tempat kita...sekarang ni pun di luar-luar pun banyak dah dikir barat buke (bukan) di Kelantan lah...luar pun ada dah loni (sekarang ini) dikir barat...Kuala Lumpur pun ada budak-budak Kelantan dop bawak gi (bawa pergi)...tapi asalnya daripada Thailand lah...dia serupa Thailand dengan Kelantan...jadi boleh ke (dapat) Kelantan...sebab dulu dikir barat dulu puak-puak Thailand la dok mari (datang) dikir sini...serupa...nama gapo doh (ape dah) orang Thailand Pakcik tak ingat dah serupa Mat Yeh dan Sudi...Sudi Jambu...Mat Yeh anak singa gelarannya...Deraman anak keli... gelaran dia tu anak keli... asal orang alik sana (orang Thailand) la tu datang dikir kt sini...orang sini pun ada tapi tidak popular...loni (sekarang ini) dikir loni pun koho (sekarang ini semakin) moden lah dibawa ke Terengganu, Pahang pun ada, Kuala Lumpur pun ada.

AMIR: Jika tidak keberatan, boleh Pakcik jelaskan serba sedikit bagaimana persembahan dikir barat ini biasanya dipersembahkan?

TOK KI: Dikir barat ni sebenarnya dia ada Tukang Karut, Tok Jogho, awok-awok dan juga pemain alat seperti gendang, gong, canang...ape tu...sekurang-kurangnya awok-awok tu 20 orang...20 hingga 30 lah...30 orang sedap (elok) lagi awok-awok...tapi 20 orang pun sedap (elok) dah...lepas tu kena ada tukang karut...mula-mula start (mula) dikir barat ni dia daripada jogho (Tok Jogho) dulu...daripada jogho (Tok Jogho)...lepas daripada jogho (Tok Jogho) tu barulah Tukang Karut... Jogho (Tok Jogho) tu sekali dengan awok-awok...awok-awok tu dalam 20 orang... habis jogho tu awok-awok turut Tok Jogho tu baru Tukang Karut...jadi lepas tukang karut tu...kadang-kadang ia selang seli...Tok Jogho ambil pula baru mengarut...biasanya tempat pertandingan lah...kalau tempat persembahan padang di

kampong...dia panggil Jogho (Tok Jogho) lepas tu dia menyanyi pula...sekali pun kalau macam tempat pertandingan tu... bertemalah...ajuk serupa persembahan berdasarkan keadaan semasa...tajuk semasa.

AMIR: Bolehkah kami tahu apakah perbezaan diantara Tok Jogho dengan Tukang karut?

TOK KI: Tok Jogho dengan Tukang karut ni dia banyak beza kadang-kadang Tukang karut ni dia karut dia ada banyak jenis karut...karut slow, karut matang, karut Patani...karut Wau Bulan pun atas (bergantung pada) Tukang karut juga...yang ni kira last yang penghabisan...Tok Jogho ni mula-mula persembahan tu memang kena Tok Jogho dulu lah buka panggung...buka panggung dia kena Tok Jogho dulu...itulah perbezaan..pah (lepas itu) lagu pun ada perbezaan...Tok Jogho ni biasanya lagu macam selayar (mendatar)...Tukang karut dia tidak lagu...dia karut...macam...dia ada banyak jenis mengarut ni... mengarut lambat...mula-mula tu mengarut lambat lepas tu mengarut cepat...itulah perbezaan.

AMIR: Bagaimanakah pemilihan lagu untuk persembahan dikir barat ini, adakah perlu bersesuaian dengan majlis ke?

TOK KI: Lagu ni biasenya kalau Tok Jogho bawak lagu ni dia bawak lagu bertema kalau tempat pertandingan buat tajuk tema tu...kalau biasanya dikir...biasa cmni tempat-tempat makan gulai, bekwoh (kenduri) biasalah... lagu apa-apa asalkan sedap...Tukang karut pun macam tu...dia karut pun mari dalam fikiran dia tu hok dio nok karut tu benda hok dio nak kato tu tubik tu paka slalu (Tukang karut mengarut idea datang dalam fikiran dia tu perkara yang dia hendak bagi tahu keluar secara spontan)...dia tidak itulah..mugo (sebab) dia tidak

ada tajuk...tapi tukang karut ni dia pandai memang kena sokmo la dengan gapo hok dio royak tu (memang selalu kena dengan apa yang dia cakapkan) ...macam tempat bekwoh tu dia royak pasal bekwoh (macam tempat kenduri tu dia bagitahu pasal kenduri)...kalau tempat...tidak kira la tempat mana-mana pun...tempat gapo-gapo (mana-mana) tu dia suka tahap tu la tajuk tu la...misal kata pilihanraya...dia karut atas pilihanraya tu dia hurai atas pilihanraya...tu hok sebenar(itu yang sebenar)...kalau dikir padang tiket tu lain la...dia bebas la...untuk persembahan biar penonton-penonton terhibur..tu jah (itu saja).

AMIR: Biasanya, apakah genre atau rentak yang biasanya dibawakan dalam persembahan dikir barat contohnya rentak perlahan ataupun rentak yang rancak yang selalu dibawa dalam persembahan dikir barat?

TOK KI: Rentak yang rancak ni biasanya dibawa oleh Tukang karut lah...kalau rentak perlahan tu dibawa oleh Tok Jogho..dia ada rentak tu macam dangdut...gendang tu...mambuk...ape ni satu lagi tu...Tok Ki pun tidak tahu..tentang dia ada dangdut rancak...tentang gendang jong nurut gendang lah (turut gendang)...rentak ni dia atas (bergantung pada) gendang jah...tempo dia tu sebenarnya...misalnya lagu rancak gendang pun turut rancak...tapi biasanya gendang ni Tok Jogho la sebenarnya...dia rancak ni berdasarkan penyanyi tu la... bila tukang nyanyi tu rancak muzik pun rancak lah.

AMIR: Kalau Pakcik sendiri apakah rentak dikir barat yang paling Pakcik minat macam rentak jenis perlahan ataupun rentak rancak yang Pakcik minati?

TOK KI: Kalau ikut Pakcik la rentak rancak la yang Pakcik minat sebab orang panggil ape ni... angkat angin (menaikkan semangat)... gendang rancak kalau main gendang silat pun

ape pun...kalau rancak dia memang mengangkat angin (menaikkan semangat)...Pakcik memang minat rancak la...sebab tu la lagu-lagu ni kadang-kadang...kalau kita buat lagu slow...orang tidak boleh terima...jual pun tidak berapa nak gerak (terjual)...lagu rancak ni laku sikit (mendapat permintaan)... dikir barat ni macam ni lah tapi ada juga...Pakcik la minat yang rancak...ada juga orang minat slow...laye-laye (layan) nak-nak lagu juara...lagu jogho ni sedap laye (layan) mendayu...supo (seperti) lagu P.Ramli ada yang rancak yang sedap..ade yang slow...macam tu... kena permaisuri tu slow nerek (lagu permaisuri rentak perlahan)...sedap juga...hahaha

AMIR: Apakah perasaan Pakcik ketika mula-mula menceburi bidang ni pada peringkat awal dulu apakah perasaan Pakcik ketika menceburi dalam bidang dikir barat ini?

TOK KI: Perasaan...dikir barat ni mula-mula Pakcik pegang dikir barat ni...Pakcik rasa suka la dengan persembahan dikir barat kebetulan angin Pakcik dikir barat pun banyak (minat terhadap dikir barat) kalau nak kata baka (keturunan) tu tidak ada tapi kebetulan...jadi masa Pakcik pegang dikir barat dulu pun awal-awal lagi kalau nak training tubik (keluar) jadi minat...sukanya dikir barat ni...dulu pun masa kecik-kecik pun..kadang-kadang Pakcik ni pernah naik motorsikal...mapuh motor di ghetok Jelawat tu (mematikan enjin dia atas jambatan Jelawat) dengar di mana tempat dikir barat...hari-hari tengok dikir barat...nak cakap sejak dulu-dulu lagi minat dikir barat ni...tapi kalau sini bukan Pakcik sorang la...orang lain pun minat dikir barat... begitu jela...hahaha

AMIR: Apakah peranan Pakcik dalam dikir barat ni?

TOK KI: Pakcik ni sebenarnya di dalam dikir barat ni...nak menyanyi tidak boleh...nak mengarut tidak pandai...tapi dalam dikir barat ni Pakcik buat lagu lah untuk budak-budak dikir...jadi dulu bila pegang dikir barat...Pakcik duduk tengok apabila Tok Jogho tu bawak lagu orang...jadi tidak sedap dengar kita...Pakcik minat buat lagu ni dah lama dah...tapi mugo kita buat sajo tok tahu nak bui ko sapo dio (tapi sebab kita buat sahaja tapi tidak tahu hendak bagi dekat siapa)...bila ada kita buat...kita pegang dikir...Sri Tanjung...jadi disitulah Pakcik buat lagu tapi Pakcik ubah semua lagu-lagu tu dalam persembahan takut orang pakat suka lagu-lagu kita...syukur Alhamdulillah pada ketika itu lah orang kenal Tok Ki dalam dikir barat ni sebagai pencipta lagu, penerbit dan pengedar.

AMIR: Sejak bila timbul minat untuk Pakcik mengubah lagu?

TOK KI: Kalau kira minat...lama dah tapi kalau kita minat pun...kalau kita buat tu...kita nak bagi tu tidak tahu nak bagi dekat siapa...minat bena (sangat)...kalau kira daripada zaman sekolah pun minat...cikgu duduk mengajar...mulut bunyi dah duduk main buat lagu...kita minat saja ni tidak pergi kemana juga...bila ada kumpulan tu kita boleh bagi lagu kita untuk dikir barat.

AMIR: Adakah Pakcik masih lagi mengubah lagu pada ketika ini?

TOK KI: Sekarang ni...ada pun tidak seberapa macam dulu la...sebab Pakcik pun ada budak bahagian buat lagu...2 orang...tapi ada juga dalam satu album tu...ada satu dua lagu...kita pun tidak matang mana dah pemikiran mugo (sebab) banyak dh lagu...kalau kira 200 lagu tu rasanya lebih dah sekali dengan jual...bagi dekat orang...kalau buat pun boleh takut macam sama lagu tubik (keluar)... lagu ni kalau kita buat banyak...dia tubik(keluar) macam nak

sama...takut orang tidak sedap dengar sebab kita meniaga...ada la pembantu buat lagu...kadang-kadang dia buat dia mari (datang) jumpa Tok Ki...kalau dia nak betulkan lagu...dia buat dia datang sini...Pakcik pula betulkan...bahagian jong betul (yang membetulkan) jela tidak kata...buat tu ada la dalam satu album...satu lagu dua lagu macam tu jela...kebanyakan bahagian betulkan balik...yang rasa tidak sedap jadi sedap...repair balik.

AMIR: Pernahkah Pakcik terlibat didalam persembahan dikir barat ni seperti Pakcik menjadi Tok Jogho ataupun Tukang karut ataupun jadi awok-awok sendiri?

TOK KI: Macam dulu masa hendak buat latihan kalau Tok Jogho tiada...ada la Pakcik cuba...bukan mencuba la apabila tiada Tukang karut tiada Tok Jogho...Pakcik sendiri la ajar awok-awok...walau tidak sedap pun...untuk awok-awok la...ajar untuk awok-awok...lagu tu sudah Tok Jogho ambil hafal dah...itu untuk awok-awok misal kata Tok Jogho tidak sihat...tidak boleh buat latihan...jadi Pakcik ambil alih la...bukan kata buat persembahan di tempat-tempat itu tidak la...hanya untuk latihan.

AMIR: Selalunya Kumpulan dikir barat ni mempunyai nama, apakah nama kumpulan dikir barat Pakcik sendiri?

TOK KI: Kumpulan dikir barat tu nama Sri Tanjung...lepas tu dalam masa dua tiga tahun juga lah tapi sekarang ni tidak ada dah...Pakcik pun tidak ambil dah bahagian pegurus dikir barat ni...tidak ada dah.

AMIR: Pernahkah kumpulan Pakcik mendapat tajaan daripada mana-mana pihak untuk membuat persembahan di peringkat lebih tinggi contohnya di peringkat antarabangsa?

TOK KI: Di peringkat antarabangsa tu memang tidak ada cuma di pertandingan...jemputan di hotel-hotel tu ada juga la tapi macam ke luar Negara tu tiada la...tapi kalau mengikut dalam CD tu nama Sri Tanjung tu naik...dalam persembahan pertandingan pun tidak pernah juara...dalam banyak pertandingan pun... hanya ke suku akhir.

AMIR: Adakah kumpulan Pakcik ini mendapat tajaan daripada mana-mana pihak?

TOK KI: Tajaan tu seperti Hypermarket Mydin...tu jela...tajaan luar tu tiada la.

AMIR: Saya pernah mendengar cerita yang Pakcik ada menyumbang dalam rekaan kartun untuk persembahan dikir barat. Kiranya dikir barat melalui watak-watak kartun. Adakah ianya benar dan boleh tak Pakcik ceritakan bagaimana?

TOK KI: Ya, ianya benar...Pakcik sebenarnya cuba campurkan wayang kulit dengan dikir barat...jadi kartun tu seperti wayang kulit lah...ada Samad, Said, Wokyoh...Tok Ki sendiri nak cantumkan wayang kulit dengan dikir barat...jadi apabila Tok Ki cuba bubuh (masukkan) dalam Sri Tanjung production...dalam dikir fantasi...jadi kebetulan ramai orang minat...minat tu banyak...jualan pun lebih dari target...jadi kita target habis 10 ribu...dia habis banyak...lepas tu...jadi sekarang ni...sampai sekarang pun animasi tu ada lagi tapi buat macam sekarang ni Kilauan 1 hingga hari raya ni keluar Kilauan 10...sekarang ni ada 9 dah kilauan...kilauan 9...lepas tu kilauan 10 mungkin tubik(keluar) seminggu nak raya...jadi macam wayang kulit pun animasi Pakcik bawa keluar seperti Jala Mas...Jala Perak...Pakcik

nak cantumkan wayang kulit masuk sekali dalam dikir barat...sinaran pun Tok Ki buat...Sinaran 1 sehingga Sinaran 4 dah sekarang ni...tadi Kilauan 1 hingga 10...Sinaran pun berbentuk animasi wayang kulit...cerita Jala Mas pun wayang kulit tapi animasi.

AMIR: Kami pernah melihat VCD seperti Kilauan Emas, Jala Mas berada di pasaran.

Adakah itu syarikat penerbitan Pakcik sendiri?

TOK KI: Untuk animasi berbentuk Samad, Said tu...kalau Kilauan...Kilauan 1 sehingga Kilauan 9 sekarang ada dipasaran...hanya Kilauan 10 nanti nak raya ni keluar...jadi Sinaran 1 sehingga Sinaran 4...Jala Mas 1 hingga 5 berbentuk animasi...tiada orang lain lah...kalau kira banyak sangat dah la.

AMIR: Adakah Pakcik pernah menjalani latihan untuk mendalami atau untuk menceburi bidang mengubah lagu ini?

TOK KI: Pakcik ni sebenarnya tidak pernah lah latihan ke...belajar dekat mana-mana buat lagu...tidak pernah la...idea ni mari (datang) sendiri...Pakcik buat pun kadang-kadang tidak pernah tanya orang...tiba-tiba kalau kita nak berpandukan lagu tu pasal cinta...dia mari (datang) sendiri...memang tidak belajar la...tiada latihan ape...ade kelas ke tiada lah...Cuma lagu ni dia datang dengan sendiri...dikir barat ni mungkin mudah daripada lagu biasa tu Cuma kita berlaga pantun...lagu tu nak daerah pekat kalau boleh (loghat pekat) tapi berlaga pantun...tu je...tiada kelas tiada latihan pun tak ape...macam yang ini kalau dikir barat tu dia ada la latihan untuk persembahan...kalau lagu tidak ada...yang lain pun macam Tok Ki juga lah.

AMIR: Siapakah idola Pakcik dalam dikir barat?

TOK KI: Idola Pakcik tu sejak dulu lagi Pakcik minat Mat Yeh... mungkin adik-adik baru ni tidak kenal Mat Yeh ni sebab dia pun dah mati lama dah...dialah Pakcik minat...dimana-mana dia dikir pun...Pakcik pernah turut pergi dengar dia...persembahan dia sebagai tukang karut dan tukang nyanyi...itulah yang Pakcik minat...lagu-lagu dia pun banyak Pakcik ambil... pakcik tukar lirik.

AMIR: Apakah kelainan yang dibawa oleh saudara Mat Yeh ini jika dibandingkan dengan penyanyi-penyanyi dikir barat yang ada sekarang?

TOK KI: Mat Yeh dulu dia seorang penyanyi...suaranya pun sedap...merdu juga lah...tapi dengan penyanyi-penyanyi baru ni mungkin dia ada kelainan sebab penyanyi-penyanyi baru ni kebanyakan campur bahasa Kelantan, bahasa surat...Mat Yeh ni memang dia ambil bahasa barat Thailand, bahasa Kelantan pekat...lagu dia pun bercorak irama macam Siam sikit dia ubah suai balik ke Kelantan...jadi macam sekarang ni banyak lagu Korea...lagu Mat Salleh pun ada orang buat dikir barat...Mat Yeh dulu dia buat lagu macam lagu Siam ataupun lagu Hindustan dulu-dulu tapi dia banyak kelainan lagipun dikir denuh (di Thailand) banyak muzik...lagu pun kalau nak dibandingkan dengan sekarang ni pada pandangan Pakcik lah...mungkin lirik Mat Yeh tu sedap...kita boleh buat...lagu dikir barat tu biar ada tajuk khas untuk lagu tu...tapi sekarang ni Pakcik sendiri pun baru ni ubah lagu Jate Tino Style...jadi orang tua-tua sekarang ini kalau ada jadi tidak minat lah...walaupun Tok Ki tidak minat pun...kena sesuai kena ikut zaman...bila kita berniaga...budak-budak sekarang ni toksey (tidak mahu) dah lagu-lagu rebana...lagu Hindustan...lagu Thailand...dia nak lagu tu yang sohor (terkenal) tu Rosalinda nyanyi tu lagu Tino Jate Style...baru ni buat lagu Tino Jate Style...jadi maju budak-budak muda boleh terima benda tu...tidak terima benda-benda

seperti Mat Yeh ni... kalau mengikut dulu-dulu bawa dikir barat mari (datang) sini...dialah yang terkenal.

AMIR: Adakah anak-anak Pak cik atau saudara terdekat menceburi dikir barat juga seperti Pakcik?

TOK KI: Anak Pakcik sendiri memang tidak ada la...Cuma tolong-tolong Pakcik meniaga la misal kata ada orang nak barang ke ape...Pakcik serah pada dia pergi hantar barang ape...dulu Pakcik buat sorang je sekarang ni mugo (sebab) anak ada...dia tolong la...syarikat Atiq Production ni Pakcik buat untuk anak Pakcik untuk masa depan dia...kalau serupa anak hendak turut jejak seperti Pakcik ni tidak ada lagi lah...cipta lagu...minat dikir barat tu minat...jadi penyanyi ke Jogho ke tidak ada la Cuma dia tolong untuk perniagaan.

AMIR: Siapakah penyanyi-penyanyi dikir barat yang berada di bawah production Pakcik?

TOK KI: Sebenarnya penyanyi ni...zaman...dia tidak dengan kontraknya...sebab penyanyi mana-mana pun dia boleh ke syarikat mana-mana...Cuma adalah dibawah syarikat Pakciknyanya...Syarikat Sinar Ilham production ni dia ada...ada juga serupa Fendi kenali...Ema Lela...seperti Shahira budak baru tu...dibawah Syarikat Sinar Ilham production...serupa ada budak Bachok ni...Wadi Tok Dalang nama dia...kalau Rosalinda...Adek Wani tu dia tidak ada kontrak apa-apa...boleh pergi ke syarikat lain pun tidak apa...syarikat Tok Ki pun tidak apa...dia tidak bergantung jadi tidak salah lah...Man Khan pun Tok Ki boleh ambil...dikir barat ni tidak apa...dibawah syarikat tu dua tiga orang ataupun dua orang dibawah...tidak

pergi ke syarikat lain tu ada...macam Eddie yang nyanyi lagu Tino Jate Style tu dibawah Syarikat Sinar Ilham production lah...

AMIR: Apakah pengalaman paling manis setakat ini sepanjang membuat persembahan ataupun terlibat di dalam bidang dikir barat ini?

TOK KI: Pengalaman manis tu masa dulu Tok Ki pernah pegang Sri Tanjung production tu...boleh dikatakan tiap-tiap malam jemputan ada...ketika itu Jali Bunga Tanjung Tok Jogho...disitulah kenangan manis...setiap bulan ada persembahan...walau upah pun tidak seberapa tapi suka...gembira...contohnya malam ni dekat Tanah Merah...esok tengok pakai buku...malam esok Terengganu ape...kenangan pahit pun ada...kita pergi dikir di Pasir Mas balik pakat wi nyupoh (menyuarakan ketidakpuasan hati)...walaupun dia dapat duit tapi dia tidak bagi duit...kadang-kadang dia bagi minya van je 30 ya (ringgit)...pakat pakai guna duit sendiri...makan...itu kenangan pahit...dia ada belaka liku-liku...ada yang pahit ada yang manis...sekarang ni memang dikir barat ni jadi pitih (duit)...dulu upah tu tidak seberapa...dikir barat ni Tok Jogho dapat 50 ya (ringgit) je awok-awok dapat 10 ya (ringgit) sorang...tapi kalau bagi 30 ya (ringgit) untuk minyak van sajo belako la (tidak mendapat apa-apa)...pengurus pula yang habis pitih (duit) buat belanja dia...sekarang ni Adek Wani pun tujuh ratus habis ke puak dia (upah)...Rosalinda pun tujuh ratus...Man Khan pun Aris Kapila... yang baru nak ceburi bidang ni pun mahal la...kerana mahal la dikir barat sekarang ni tidak ada...penganjur tidak boleh buat kalau sorang kena tujuh ratus yang ini seribu...dikir barat biasanya semalam boleh la seribu...kalau seribu orang boleh la tiga ribu...nak tampung perbelanjaan...poster ape...kalau kira memang tidak boleh buat...dikir barat banyak di persembahkan di tempat-tempat membeli belah...majlis-majlis raja...kalau nak kira

persembahan serupa dulu tidak ada la...dulu suka dikir barat sebab tiap-tiap malam ada di padang...situ ada...sini ada...suka boleh tengok sokmo (selalu) tiap-tiap malam...sekarang ni buat rugi buat rugi jadi tidak ada lah penganjur...artis sendiri apabila dia terkenal...dia terkenal nama dia melalui CD dikir barat bila orang beli...di Perak pun ramai...Kedah pun ada...telefon nak CD...tidak tahulah kalau dia ambil sekeping buat pirates (cetak rompak)...jadi ia berkembang dikir barat...jadi apabila nama dia naik...dia pun angkat harga...bila dia angkat harga bila orang nak di tempat-tempat bekwoh(kenduri)...bila orang datang tu dia boleh la bayar sebab dia ada duit tu...kalau dikir di padang tu dapat dua ribu tiga ribu...lepas tu nak bayar dia...dia buat harga dia...boleh kalau dikir barat dulu...pernah ketika tu Pakcik masih kecil lagi...awok-awok boleh 30sen...Tok Jogho boleh 20ya (ringgit)...tukang nyanyi Marma Dahlia tu sohor la dulu boleh 15 ya (ringgit)...sohor (terkenal) tu Marma Dahlia nama dia boleh 15 ya (ringgit)...tapi maju dikir barat dulu sebab dia tidak kira upah...tidak kira duit...sebab minat dulu...minat dia serta menghiburkan orang lain menghibur juga diri dia...dikir barat sekarang ni kurang...kurang di padang-padang...jadi orang boleh dengar dikir barat melalui CD la sebab kalau dah penyanyi-penyanyi dia buat harga dia mahal jadi penganjur tidak ada la...di Bachok ni pernah...bukan pernah la...kalau di Bachok tidak ada orang lain...Tok Ki dengan Abang Li Jelawat...dia Syarikat Sri Tanjung production dulu...Tok Ki kerja dengan dia...sekarang ni berpecah Pakcik buka Sinar Ilham...dulu pernah bawa masuk Munirah...masa tu di Bachok di Kelantan...Munirah ni sohor la di Thailand...Pakcik ambil dia dulu ketika itu boleh lapan ribu...harga tiket pada masa tu 3 ya (ringgit) pun murah dah tapi ramainya orang buat di Tangok boleh 8 ribu...upah Munirah habis (paling) mahal dah tu sebab dia orang Thailand...empat ratus ya (ringgit)... upah Jali 80ya (ringgit)... Wani 30ya (ringgit)

dulu...sekarang Wani tujuh ratus...lepas tu Munirah pun tidak menyanyi dah sekarang...kalau dia menyanyi seribu pun tak tahu...jadi tidak boleh buat la...pah (lepas itu) jarang-jarang la boleh buat lapan ribu enam ribu...sekarang ni mungkin tiga ribu dua ribu...dia boleh untung dah tapi puak dikir ni dua puak sekarang ni tujuh ratus sepuak tidak boleh lagi...tujuh ratus tu jadi seribu empat ratus dah...Tok Jogho sekali dengan awok-awok tu empat ratus...lepas tu Tukang karut pula kalau nak yang mala (hebat) sikit lima ratus yang biasa tiga ratus...kalau seratus setengah seorang kalau dua orang jadi tiga ratus...yang empat ratus jadi tujuh ratus untuk satu puak...Pakcik setahun sekali buat pelancaran lepas raya kadang-kadang buat...habis sokmo (selalu) dua tiga ribu...padahal kita buat pelancaran ni untuk memperkenalkan dia juga.

AMIR: Pada pendapat Pakcik dikir barat biasanya sesuai dipertontonkan dalam majlis seperti apa?

TOK KI: Dikir barat ni dia sesuai smace (selalu)...macam Pakcik cakap tadi la...sesuai di padang pun boleh...dipertontonkan pertandingan pun boleh...di tempat-tempat majlis...di hotel-hotel... banyak la tempat-tempat yang boleh buat persembahan dikir barat ni...sekarang ni dikir barat kian meluas...di KL pun pernah panggil buat di Istana Budaya...di mana-mana lah...ada la tempat persembahan macam supermarket ke...majlis diraja...tempat makan di hotel ke...jemputan tu ada lah.

AMIR: Selain daripada terlibat dalam persembahan dikir barat, adakah Pakcik mempunyai pekerjaan sampingan lain pada ketika ini?

TOK KI: Persembahan pun tidak ada dah la sebab Pakcik pun tidak pegang dah dikir barat... seterusnya perniagaan dalam penerbit dan production...pengedar sekali la...pekerjaan lain tu Pakcik tidak sempat nak buat benda lain sebabnya buat CD ni nampak je mudah tapi susah jugak la sebab kita kena buat lagu...dulu masa Pakcik di Sri Tanjung production contohnya nak keluarkan berapa target...lepas tu buat lagu...siapkan lagu...sekarang ni Pakcik keluarkan Kilauan 10...Kilauan 10 ni 3 bulan dah di office (pejabat)...siap dah la...lepas tu nak buat Atiq production dengan anak-anak...sekarang ni Tok Ki duduk tanya dia...tengah bincang macam tadi macam mana nak buat supaya Atiq ni tajuk dia Gegaran Dikir... mungkin raya ni Pakcik akan keluarkan Gegaran Dikir 2... dalam album tu Pakcik nak suruh sama jadi seakan-akan...dalam ni tajuk sohor (terkenal) Rosalinda...dalam tu pun seakan-akan Pakcik akan buat misal kata lagu beruk ni...beruk ni boleh gerak mulut bercakap...macam kambing ke biar budak-budak suka tengok kambing tu boleh bercakap... kambing tidak animasi...kambing betul Cuma kita guna trick (helah) la tapi bukan Pakcik yang buat...dia ada la orang yang buat tu...Pakcik bayar la...Pakcik beritahulah buat macam ni macam ni... jadi bukan mudah la nak buat album ni pun...kalau nak buat kerja lain tu tidak boleh la...kena tumpu pada dia... kita berjalan pun memang otak kena berfikir cari tajuk lagu...walaupun sekarang ni Pakcik kurang buat lagu...kita kena fikir isu semasa...kalau kita tengok kereta accident (kemalangan)...kita buat lagu pasal kereta accident (kemalangan) tu... baru ni tengok Lahad Datu... buat dah tapi takdea (tidak sempat) sebab lambat proses buat dia tak boleh buat tubik (keluarkan)...dulu Pakcik pernah buat lagu Tsunami tahun 2004...lagu tu dalam sejam ke dua jam Pakcik buat...lagu Tsunami ni la ramai orang kenal Tok Ki...orang pakat Tanya lagu tu siapa yang buat...radio Manis FM...Kelantan FM...diorang tanya dari mana dapat idea...Pakcik cakap idea datang

sendiri...lepas tu Manis Fm ni panggil buat persembahan di tempatnya menyambut ulang tahun... pihak Manis FM terkejut la kerana sedap macam ni...masa tu Pakcik tidak keluarkan lagi CD...lepas tu baru kita tambah sembilan lagu cukup sepuluh...tapi hanya Tok Ki yang membuat lagu...penerbit orang lain...ketika itu Sri Tanjung production.

AMIR: Boleh Pakcik jelaskan bagaimana proses untuk menerbitkan sebuah album bermula daripada mengubah lagu sampai terhasilnya sebuah album?

TOK KI: Macam Pakcik kata tadi la... nak buat album ni tidak mudah...payah jugak... kalau nak kata payah pun...nak kata mudah tidak boleh... sebab sebelum buat album tu kita kena buat lagu dahulu... kena cari tajuk lagu tu...lepas tu berbincang pula dengan penyanyi-penyanyi seperti contohnya lagu tadi...kita buat lagu kita berbincang lagu ni siapa yang sesuai...lagu jenis bercinta ke rumah tangga ke Jali...Fendi Kenali...dia tidak boleh bagi lagu kelakar pada diorang ni...kena berbincang...lepas tu barulah kita buat rakaman...masuk rakaman pun tidak boleh masuk semua...dalam sorang artis tu dua lagu...lepas siap tidak siap semua tu...dalam dua lagu artis lain pula...

AMIR: Adakah Pakcik menetapkan had umur untuk Pakcik bergiat dalam persembahan dikir barat ini ataupun Pakcik rasa inilah kerjaya Pakcik?

TOK KI: Dikir barat ni duduk dalam hati kita...walau tua pun kalau tok cekak (tidak larat) bekerja pun anak-anak masih ada...Cuma kita tidak akan berhenti la...buat ni syarikat kita akan kekal...walau tidak larat pun anak-anak ada lagi...kita boleh tunjuk ajar...sayang juga syarikat ni...dua syarikat ni...Atiq production satu Sinar Ilham satu...tapi kalau Pakcik tua sikit lagi pun...reality tua dah...kalau tua sikit lagi boleh la anak-anak ambil alih...kalau dia

tidak pandai pun kita boleh tunjuk ajar...sebab bukannya benda susah pun...ada lagu seratus satu lagu... ada dua ratus satu lagu...paling tinggi tiga ratus satu lagu...tapi masa Pakcik buat lagu...orang pernah beli tiga ratus satu lagu...tapi apabila Pakcik kurang buat lagu...Pakcik jadi jemu serupa tiada mood...mintak dengan Tuhan...bukalah minda kita...luaskan fikiran kita...baru kita boleh buat lagu dulu...sekarang ni banyak sangat lagu takut keluar lagu yang sama...

AMIR: Pada pandangan Pakcik, apakah criteria atau ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seseorang yang berminat untuk menjadi ahli dikir barat yang Berjaya?

TOK KI: Sebenarnya dikir barat ni kalau nak Berjaya dia kena ada asas serupa penyanyi juga...Rosalinda dengan Wani dia asal dari kecil lagi menyanyi...apabila dia besar dia jadi semakin matang...kalau kita baru minat dikir barat ni memang payah...sebab tempo dia pitching dia...kalau dulu tak turut rebana tidak apa sebab rebana boleh turut kita...kalau orang yang baru nak minat dikir barat ni...dia kena ciri-ciri dia asal lagi...tapi ada juga yang baru minat pun jadi tapi dia kena peka la kena besungguh-sungguh la...kena dengar lagu lepas tu kena cuba menyanyi sendiri...kalau ada dikir barat dulu dia buat karaoke ke baru la boleh sampai tahap berjaya... tapi kena bersungguh macam orang mengaji (belajar) jugak la...Pak cik dulu ngaji(belajar) tidak menjadi sebab tidak bersungguh mana la... dah bersaen sokmo (berkawan selalu)...penuh saen-saen(kawan-kawan)...asal ke laut kan...nak hurai pasal kelaut...

AMIR: Seperti umum tahu, dikir barat kini telah menjadi fenomena untuk semua sejak ia mula dipertontonkan dalam rancangan TV seperti di Astro dalam rancangan Karoot

Komedia. Apa pendapat Pakcik mengenai pihak yang mengetengahkan dikir barat melalui cara sedemikian?

TOK KI: Dikir barat tu masuk dalam Karoot Komedia tu memang bagus untuk memperluaskan...jadi yang tidak kenal dikir barat pun boleh tahu...lepas tu dia pun ubah sikit dikir barat tu...gubahan dari segi karut-karut yang biasa kita dengar...jadi bagus juga sebab dia ubah...tapi tidak rosak la... bagus jugak la sebab boleh dikatakan Sabri Yunus tu walau dia artis dia Tukang Karut dikir barat sebenarnya...Osman Kering...Mat Over...pun pernah mengarut...tiket 4 ya (ringgit) dia mari (datang) sini...dia bawa mengarut dikir barat dalam komedi tu...karoot komedia tu jadi bagus jugak la sebab karut saja... dia pun tidak merosakkan dikir barat sebab Tok Jogho tidak ada penyanyi tidak ada...kadang-kadang bila kita dengar tu pelik jugak...dia karut tu pelik...jadi kita fikir molek juga la sebab ada perbandingan...dia pun boleh bawa karut ni lain cara...

AMIR: Apakah pandangan Pakcik mengenai golongan muda belia dalam persembahan dikir barat?

TOK KI: Sekarang ni golongan muda pun banyak sebenarnya sebab di universiti-universiti pun ada dikir barat...Mokyong...Wayang Kulit ada belaka...tapi dikir barat pun ada jugak...jadi ramai jugak la orang-orang muda sekarang ni...walau tidak di university pun ada dikir barat...macam di sekolah-sekolah...budak-budak semuanya...jadi kena belajar la tu...mungkin sedikit lagi ada kumpulan dikir barat yang molek lagi...dikir barat ni banyak untuk nak jadi comel sebenarnya...macam bunga dia tu macam tarian India pun boleh...golongan muda sekarang ni pun kalau dia banyak tertinggal macam di sekolah-sekolah tu...mungkin dia boleh buat gabungan satu persembahan yang lebih bias (hebat)

daripada sekarang ni...macam kita sekarang ni boleh mengatasi yang dulu...dikir barat dulu dikir barat asli tu bagus dikalangan orang tua-tua tapi budak-budak sekarang ni pun dia belajar boleh mengatasi sebab dikir barat sekarang ni bukan orang bodoh seperti dulu... seperti Halim Yazid...Cikgu Sullizi...orang yang belajar tinggi juga tapi minat dikir barat...mungkin dalam universiti dulu dia sudah aktif dalam dikir barat ni...jadi orang bijak pandai jugak la...kadang-kadang orang bijak pandai ni orang ngaji (belajar) dikir barat ni karut dia teratur...comel...sebab dia orang ngaji (belajar)...karut ni asalkan berlaga pantun je...nak kata comel tak comel...berlaga pantun tubik kokse-kokse (keluar mengarut) orang suka jugak...tapi orang mengaji sekarang ni dikir barat comel la..teratur.

AMIR: Antara karya yang dihasilkan adakah terdapat karya yang bernilai ataupun mempunyai keunikan sendiri?

TOK KI: Seperti tadi la...Pakcik cipta lagu ada yang baik lagu tu...kadang-kadang sedap...ada yang tidak sedap... ada yang menilai lagu tu tapi macam lagu Tsunami lagu KeLaut memang la bernilai sebabnya penerbit habis berates ribu unit...jadi ada penilaian atas lagu tu...sampai masuk dalam radio dua tiga kali sehari...tapi nak cari lagu macam tu tak boleh lah... macam lagu KeLaut...kisah orang ke laut...Pakcik cuba buat...dua album ni berates-ratus ribu unit...macam sekarang ni orang pun nak buat lagu meletop macam ni...seseorang ni apabila dia buat lagu dia ada satu lagu yang meletop macam Zaidi...lagu Tongkat ali... Halim Yazid...lagu Anak tupai...Cikgu Sulizzi lagu Saen (kawan)...Tok ki banyak sebenarnya tapi yang meletop sekali lagu Tsunami dan KeLaut...banyak lagunya yang kita buat dulu wayang barat dengan Azreen Nadia...

AMIR: Pada pandangan Pakcik, adakah dikir barat patut diteruskan dan dijadikan salah satu persembahan wajib untuk majlis yang diadakan di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi?

TOK KI: Memanglah...dikir barat ni bukan diteruskan lah patut diteruskan sebab dikir barat ni di sekolah pun perlu ada matapelajaran...misal kata siapa yang tidak lulus dikir barat... tidak lulus...hahaha... sekarang ni pun ade gitu dok (macam ni kan)...dikir barat ni memang kita kena sebab dia ada kebaikan serupa budak-budak lari daripada gejala-gejala yang tidak sihat...perlu kita buat dikir barat...

AMIR: Akhir sekali, apakah harapan Pakcik terhadap dikir barat ni?

TOK KI: Harapan Pakciknya dikir barat ni biar berkembang sokmo-sokmo lah (selalu)...kalau tiada Pakcik pun budak-budak muda boleh ganti...kalau penyanyi pun kalau tidak ada penyanyi macam Wani...Rosalinda yang sohor (terkenal) kalau tidak ada dia pun yang lain akan boleh ganti...harapan Pakcik biar dikir barat ni terus sampai bila-bila tokse wi mati (tidak mahu bagi mati) kerana ia adalah kebudayaan negeri Kelantan...serupa di Melaka...Dondang Sayang ape tidak ada dah...Ghazal di Johor pun tidak ada sangat dah...tapi dikir barat ni ada lagi lah...tidak putus sebab di Kelantan kita ni banyak permainannya seperti Makyong tu tidak ada sangat dah...wayang kulit ada bukan tidak ada...biar teruskan sampai bila-bila.

AMIR: Terima Kasih kerana meluangkan masa bersama kami dan sudi untuk ditemu ramah. Semoga kerjaya Pakcik akan berkembang dengan lebih maju di masa akan datang. Assalamualaikum.

TOK KI: Waalaikumussalam.

SENARAI SOALAN

PART A

1. Assalamualaikum Pakcik, apa khabar?
2. Bolehkah Pakcik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri Pakcik, nama penuh Pakcik, asal dari mana?
3. Ada tak sebarang gelaran yang diberikan kepada Pakcik?
4. Ada tak sebarang gelaran yang diberikan kepada Pakcik?
5. Kenapakah Pakcik diberi gelaran tersebut?
6. Jika tak keberatan, bolehkah Pakcik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang keluarga Pakcik, anak dan isteri Pakcik?
7. Kita beralih pula kepada latar belakang kedua ibu bapa Pakcik, siapakah nama penuh kedua ibu bapa Pakcik, adakah mereka masih ada lagi dan sekarang ni mereka tinggal dekat mana?
8. Biasanya kejayaan hidup seseorang anak dikaitkan dengan didikan dan galakan daripada ibu bapanya. Adakah itu mempengaruhi kerjaya Pakcik sekarang? Contohnya macam adakah ibu bapa Pakcik dahulu memberi galakan terhadap kerjaya Pakcik sekarang ni?
9. Apa pendapat Pakcik tentang kehidupan Pakcik sekarang dengan waktu Pakcik kecil dulu...kalau dulu biasanya macam hidup susah dan sekarang ni bagaimana pula kehidupan Pakcik jika dibandingkan dengan dulu?
10. Kita beralih pula kepada kepada latar belakang pendidikan. Bolehkah Pakcik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan Pakcik seperti sekolah rendah dekat mana, sekolah menengah dekat mana?

11. Mata pelajaran yang Pakcik paling gemari semasa berada di sekolah...subjek yang Pakcik paling minat semasa berada di sekolah?
12. Adakah Pakcik aktif didalam kegiatan ko-kurikulum semasa berada di sekolah menengah?
13. Adakah Tok Ki pernah mewakili sekolah dalam bermain bola sepak?
14. Bagaimanakah pula dengan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Pakcik di sekolah tersebut?
15. Adakah Pakcik mendapat sebarang tawaran biasiswa ataupun tajaan semasa belajar dahulu?

PART B

16. Apakah bidang pekerjaan yang terawal Pakcik lakukan ketika dahulu?
17. Apakah rutin harian yang Pakcik lakukan sebagai seorang nelayan?
18. Rutin harian contohnya bila pagi bangun pagi lepas tu kena sediakan pukut apa semua?
19. Apakah rutin harian Pakcik sebagai seorang nelayan contohnya pagi terpaksa bangun pukul berapa, lepas tu kena sedia semua peralatan?
20. Apakah perasaan Pakcik Ketika itu, adakah Pakcik gembira dengan pekerjaan Pakcik sebagai seorang nelayan?
21. Selain menjadi nelayan, adakah Pakcik ada melakukan pekerjaan lain selain daripada nelayan ni untuk menampung kehidupan Pakcik?
22. Apakah pengalaman pahit, pengalaman manis semasa awal Pakcik bekerja?

23. Menurut kajian yang kami lakukan, Pakcik ada terlibat dalam bidang kebudayaan pengkhususan dalam persembahan dikir barat, boleh Pakcik ceritakan serba sedikit bagaimana Pakcik boleh terlibat dalam bidang ini?
24. Persembahan dikir barat ni sebenarnya berasal dari negeri mana?
25. Jika tidak keberatan, boleh Pakcik jelaskan serba sedikit bagaimana persembahan dikir barat ini biasanya dipersembahkan?
26. Bolehkah kami tahu apakah perbezaan diantara Tok Jogho dengan Tukang karut?
27. Bagaimanakah pemilihan lagu untuk persembahan dikir barat ini, adakah perlu bersesuaian dengan majlis ke?
28. Biasanya, apakah genre atau rentak yang biasanya dibawakan dalam persembahan dikir barat contohnya rentak perlahan ataupun rentak yang rancak yang selalu dibawa dalam persembahan dikir barat?
29. Kalau Pakcik sendiri apakah rentak dikir barat yang paling Pakcik minat macam rentak jenis perlahan ataupun rentak rancak yang Pakcik minati?
30. Apakah perasaan Pakcik ketika mula-mula menceburi bidang ni pada peringkat awal dulu apakah perasaan Pakcik ketika menceburi dalam bidang dikir barat ini?
31. Apakah peranan Pakcik dalam dikir barat ni?
32. Sejak bila timbul minat untuk Pakcik mengubah lagu?
33. Adakah Pakcik masih lagi mengubah lagu pada ketika ini?
34. Pernahkah Pakcik terlibat didalam persembahan dikir barat ni seperti Pakcik menjadi Tok Jogho ataupun Tukang karut ataupun jadi awok-awok sendiri?
35. Selalunya Kumpulan dikir barat ni mempunyai nama, apakah nama kumpulan dikir barat Pakcik sendiri?

36. Pernahkah kumpulan Pakcik mendapat tajaan daripada mana-mana pihak untuk membuat persembahan di peringkat lebih tinggi contohnya di peringkat antarabangsa?
37. Adakah kumpulan Pakcik ini mendapat tajaan daripada mana-mana pihak?
38. Saya pernah mendengar cerita yang Pakcik ada menyumbang dalam rekaan kartun untuk persembahan dikir barat. Kiranya dikir barat melalui watak-watak kartun. Adakah ianya benar dan boleh tak Pakcik ceritakan bagaimana?
39. Kami pernah melihat VCD seperti Kilauan Emas, Jala Mas berada di pasaran. Adakah itu syarikat penerbitan Pakcik sendiri?
40. Adakah Pakcik pernah menjalani latihan untuk mendalami atau untuk menceburi bidang mengubah lagu ini?
41. Siapakah idola Pakcik dalam dikir barat?
42. Apakah kelainan yang dibawa oleh saudara Mat Yeh ini jika dibandingkan dengan penyanyi-penyanyi dikir barat yang ada sekarang?
43. Adakah anak-anak Pak cik atau saudara terdekat menceburi dikir barat juga seperti Pakcik?
44. Siapakah penyanyi-penyanyi dukir barat yang berada di bawah production Pakcik?
45. Apakah pengalaman paling manis setakat ini sepanjang membuat persembahan ataupun terlibat di dalam bidang dikir barat ini?
46. Pada pendapat Pakcik dikir barat biasanya sesuai dipertontonkan dalam majlis seperti apa?
47. Selain daripada terlibat dalam persembahan dikir barat, adakah Pakcik mempunyai pekerjaan sampingan lain pada ketika ini?

48. Boleh Pakcik jelaskan bagaimana proses untuk menerbitkan sebuah album bermula daripada mengubah lagu sampai terhasilnya sebuah album?
49. Adakah Pakcik menetapkan had umur untuk Pakcik bergiat dalam persembahan dikir barat ini ataupun Pakcik rasa inilah kerjaya Pakcik?
50. Pada pandangan Pakcik, apakah criteria atau ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seseorang yang berminat untuk menjadi ahli dikir barat yang Berjaya?
51. Seperti umum tahu, dikir barat kini telah menjadi fenomena untuk semua sejak ia mula dipertontonkan dalam rancangan TV seperti di Astro dalam rancangan Karoot Komedia. Apa pendapat Pakcik mengenai pihak yang mengetengahkan dikir barat melalui cara sedemikian?
52. Apakah pandangan Pakcik mengenai golongan muda belia dalam persembahan dikir barat?
53. Antara karya yang dihasilkan adakah terdapat karya yang bernilai ataupun mempunyai keunikan sendiri?
54. Pada pandangan Pakcik, adakah dikir barat patut diteruskan dan dijadikan salah satu persembahan wajib untuk majlis yang diadakan di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi?
55. Akhir sekali, apakah harapan Pakcik terhadap dikir barat ni?
56. Terima Kasih kerana meluangkan masa bersama kami dan sudi untuk ditemu ramah. Semoga kerjaya Pakcik akan berkembang dengan lebih maju di masa akan datang. Assalamualaikum.

LOG WAWANCARA

PART A

LATAR BELAKANG/BIODATA	Encik Razaki bin Ismail
Tempat lahir	Wakaf Pohon TanjungPerupok
Taraf perkahwinan	Berkahwin
Bilangan anak	Lapan orang anak
SEJARAH PENDIDIKAN	Sekolah Kebangsaan Perupok
Pendidikan awal	Sekolah Menengah Kebangsaan Bachok
Aktif dalam aktiviti sekolah	Sekolah Menengah Kadir Adabi
PART B	
PEKERJAAN TERAWAL	Nelayan
Tamat sekolah menengah	Tanjung dawai kedah
Berhijrah	
Membantu bapa	
KETUA KUMPULAN DIKIR BARAT	Kumpulan dikir barat Sri Tanjung
Mengubah lagu	
Membuat persembahan	
Menjadi jemputan	
MENJADI PENCIPTA LAGU	Tsunami, Kelaut, Permaisuri

Menghasilkan lagu-lagu sendiri Lagu tsunami dimainkan diradi	
MENUBUHKAN SYARIKAT PRODUKSI Menerbitkan album dikir barat Menghasilkan animasi dikir barat Menggabungkan dikir barat dan wayang kulit dalam bentuk animasi	Sinaran, Jala Emas, Kilauan

8.0 INDEX

A	
Adek Wani.....	22, 23
anak singa.....	13
Anak tupai	30
angkat angin	16
Aris Kapila	23
Atiq Production	22
awok-awok	11, 13, 18, 23, 34
B	
<i>bachok</i>	2
bekwoh	14, 24
bola sepak.....	6, 9, 32
buka panggung	14
C	
canang	13
Cikgu Sullizi.....	29
D	
Deraman anak keli.....	13
<i>dikir barat</i>	2, 4, 5, 6, 7, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 27, 28, 29, 30, 31, 33, 34, 35, 36, 37
E	
Eddie	22
Ema Lela.....	22
F	
Fendi kenali	22
G	
Gegaran Dikir	26
gendang.....	13, 15, 16
gong	13
H	
Halim Yazid.....	29, 30
I	
Ismail Bin Ibrahim.....	8
J	
Jala Mas	19, 20, 34
Jala Perak.....	19
Jate Tino Style	21
K	
Kadir Adabi	3, 5, 9, 36
Kampung Perupok	5, 6
karut matang	14
karut Patani	14
karut Wau Bulan	14
<i>kelantan</i>	2

IMR 604 SEJARAH LISAN

Khatijah Binti Mohamad.....	8	R	
Kilauan	19, 20, 25, 34, 37	Rosalinda	21, 22, 23, 26, 28, 31
Kuala Besut	10, 11	S	
Kubang Golok	7	Sabri Yunus	28
L		Said.....	19, 20
Lahad Datu	26	Samad	19, 20
laye-laye	16	sejarah.....	6, 9
Li Jelawat	24	selayar.....	14
M		Shahira.....	22
mambuk.....	15	Sinar Ilham production	22
Man Khan.....	22, 23	sinaran.....	19
Manis FM	26	sokmo	15, 23, 28, 31
Marma Dahlia.....	24	Sri Tanjung	17, 18, 19, 23, 25, 37
Mat Over	28	Sudi Jambu	13
Mat Yeh.....	13, 20, 21, 35	T	
mengarang	12	Tanah Merah.....	23
Mokyong	29	Tanjung Dawai	10
Munirah	24	tempo	15, 28
O		Thailand.....	13, 21, 24
ombak kasar.....	12	Tok Jogho	13, 14, 15, 17, 18, 23, 29, 33, 34
Osman Kering	28	Tongkat ali.....	30
P		Tsunami	26, 30, 37
permaisuri.....	16	Tukang Karut.....	13, 28
Pohon Tanjung	3, 5, 7, 8, 12, 36	W	
puak-puak.....	13	Wadi Tok Dalang.....	22

IMR 604 SEJARAH LISAN

wayang kulit4, 6, 19, 31, 37

Wokyoh19

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan ...Encik Razaki bin Ismail.....

Pada 8/6/2013.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (Interviewee)

.....
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Kelantan

